

AMP gesa perbincangan libat lebih ramai

Oleh **AZAHAR MOHD**
azahar@sph.com.sg

ANGKATAN Karyawan Islam (AMP) menyambut baik Kertas Putih Mengenai Kependudukan, tetapi melahirkan keprihatinan kerana pemerintah membentangkannya “tanpa penglibatan orang awam yang lebih luas”.

“Amat malang bahawa Pemerintah tidak menggunakan platform yang ia cipta untuk melibatkan warga Singapura, seperti Perbincangan Singapura Kita, bagi mengumpulkan maklum balas mengenai Kertas Putih.

“Kami menggesa Pemerintah supaya melibatkan lebih ramai orang awam dalam membincangkan saranan-saranan dasar pada masa depan sebelum ia dibentang dan diluluskan di Parlimen,” ujar lembaga pengarah AMP di laman Facebook badan bantu diri itu.

Ia juga melahirkan kebimbangan tentang kesan menarik pendatang asing ke atasimbangan kaum dan setiap kumpulan etnik di sini.

“Apakah demografi Cina, Melayu, India dan bangsa ‘Lain-Lain’ dikekalkan sebagai ciri masyarakat Singapura atau bangsa ‘Lain-Lain’ bertambah dengan banyak? Apakah akan berlaku senario warga Singapura menjadi golongan minoriti di negara mereka sendiri?” tanya AMP.

Ia juga berkata sekiranya komposisi pendatang asing, umpamanya dari segi keetnikan, profesion dan kemahiran, diterangkan dengan lebih jelas, ia dapat dimanfaatkan dalam menilai kesan kemasukan mereka terhadap jurang pendapatan dan setiap kumpulan etnik.

Kertas Putih itu, tambah AMP, tidak menyediakan pilihan lebih luas bagi mempersiapkan Singapura pada masa depan.

“Kesejahteraan Singapura dan warga Singapura seharusnya melebihi pertumbuhan ekonomi sahaja.

“Warga Singapura kini melihat pembanjiran besar pendatang asing, yang sekarang menikmati gaya hidup warga Singapura yang mereka inginkan.

“Ini juga mengesahkan tanggapan bahawa warga asing menyebabkan harga hartanah melambung tinggi dan meningkatkan kos sara hidup, mengambil peluang pekerjaan dan peluang pendidikan sedang warga biasa Singapura perlu bertungkus lumus bagi mengharungi kehidupan harian,” ujarnya.

Namun, badan itu berkata ia bukan antiimigrasi.

“AMP menghargai nilai bakat asing dan sumbangan mereka kepada ekonomi dan masyarakat Singapura,” katanya.

Dalam ucapan semasa perbahasan Kertas Putih itu di Parlimen, Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, berkata Pemerintah telah mengurangkan kemasukan penduduk asing kepada kadar yang lebih mudah diurus dan akan terus mengekalkan ciri-ciri dan perwatakan Singapura sebagai sebuah masyarakat.

Encik Lee kemudian turut menjelaskan bahawa beliau berharap rakyat dapat mengamati pandangan-pandangan yang disuarakan di Parlimen, dan memahami bahawa pemerintah ingin membantu warganya memiliki masa depan lebih baik dengan cara yang terbaik mungkin.

Isu penduduk adalah sesuatu yang melibatkan emosi dan amat rumit, dan pemerintah akan terus membincangkannya dengan rakyat, kata beliau.